

Bil. S 24

AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2008

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab-bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 2 tahun 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual kepada Perintah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang masing-masing diarahkan untuk dikeluarkan di bawah cerai (1), bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual merujuk kepada undang-undang bertulis itu dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual.

JADUAL

(perenggan 2)

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
133	Akta Keselamatan Dalam Negeri	1 hingga 56	B.L.R.O. 6/2002
R 1	Aturan-Aturan Keselamatan Dalam Negeri (Tempat Tahanan)	1 hingga 26	B.L.R.O. 6/2002
N 1	Arahan Tempat Tahanan di bawah bab 3(4)	1 hingga 2	B.L.R.O. 1/2003.

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
133	Akta Keselamatan Dalam Negeri	1 hingga 58	B.L.R.O. 2/2008
R 1	Aturan-Aturan Keselamatan Dalam Negeri (Tempat Tahanan)	1 hingga 26	B.L.R.O. 2/2008
R 2	Aturan-Aturan Keselamatan Dalam Negeri (Lembaga Penasihat Orang Tahanan)	1 hingga 6	B.L.R.O. 2/2008
N 1	Arahan Tempat Tahanan di bawah bab 3(4)	1 hingga 2	B.L.R.O. 2/2008.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 26 haribulan Februari, 2008.

DATO SERI PADUKA AWANG HAJI KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
Peguam Negara,
Negara Brunei Darussalam.